

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/ 2005

Oktober 2004

HKT 502 – Teori dan Kaedah Penyelidikan Kesusasteraan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan saja, sekurang-kurangnya **SATU** soalan daripada setiap **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

1. Pada pendapat Altick, tujuan utama penyelidikan ialah untuk mendapatkan 'kebenaran'. Huraikan jenis kebenaran yang mungkin disumbangkan oleh seorang penyelidik dalam usaha akademiknya.
2. Huraikan cara kerja penyelidikan lapangan bagi mengumpul cerita lisan dan proses pendokumentasiannya.
3. Seorang penyair penting telah meninggal. Anda diminta menuliskan sebuah biografinya. Apakah ciri-ciri penulisan sebuah biografi yang baik? Apakah jenis-jenis soalan yang harus anda tanyakan supaya biografi yang bakal ditulis itu lengkap, rapi dan menyumbang kepada pengetahuan yang berimbang tentang penyair itu? Sediakan contoh-contoh soalan yang konkret.

BAHAGIAN B

4. Huraikan sifat-sifat penting sebuah karya akademik. Apakah unsur-unsur yang membawa kepada kegagalan sebuah karya akademik?
5. Huraikan cara kerja kajian filologi bagi sebuah manuskrip. Apakah perkara-perkara utama yang harus dicari dalam mukadimah dan kolofon sebuah manuskrip sebelum anda mula mentransliterasikannya.
6. Mengapakah teori dan metodologi penting dalam sebuah proposal ilmiah? Tuliskan sebuah proposal terperinci dalam bidang sastera lisan ATAU sastera lama (tulisan) ATAU sastera moden.